

BAB II

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN (KKKP) DAN AGENSI-AGENSINYA.

2.0 Pendahuluan

Bab kedua ini akan membicarakan tentang sejarah penubuhan KKKP dan agensi-agensinya, fungsi KKKP, sejarah penubuhan Panggung Negara, fungsi Panggung Negara, dan sejarah penubuhan Istana Budaya.

2.1 Sejarah Penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan Dan Agensi-Agensinya.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah ditubuhkan pada 20 Mei 1987 dengan menggabungkan Bahagian Kebudayaan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pada masa itu, kementerian dikenali sebagai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, kemudian ditukarkan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Pada 22 Oktober 1990, nama kementerian

diubah sekali lagi menjadi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan¹.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia berperanan penting di dalam menampilkan aktiviti kebudayaan, kesenian dan pelancongan untuk faedah rakyat dan negara. Setelah ditubuhkan pada tahun 1987, pihak kementerian ini telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang berterusan untuk mengukuhkan peranan dan fungsinya untuk memelihara serta menjulang nama negara. Peningkatan prasarana kebudayaan, kesenian dan pelancongan merupakan salah satu usaha yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan masyarakat yang bertamadun tinggi².

Selama hampir empat belas tahun, banyak perubahan telah berlaku dalam kementerian ini sama ada dari segi visi, misi mahupun organisasi. Perkembangan ini tidak akan bernoktah di sini kerana pembangunan kebudayaan, kesenian dan pelancongan merupakan satu usaha yang berterusan.

2.2 Fungsi Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan (KKKP)

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (KKKP) bertanggungjawab untuk,

- a) Menentukan, merancang, mengawal dan menyelia pelaksanaan Dasar Kebangsaan. KKKP juga berperanan memberi khidmat nasihat, menggubal dan menyelia dasar-dasar yang berkaitan dengan perkembangan kebudayaan dan industri pelancongan.
- b) Mengawal dan menyelia perjalanan jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawahnya.
- c) Merancang program pembangunan, penggalakan, penyelidikan dan perhubungan di bidang kebudayaan dan pelancongan selaras dengan dasar-dasar yang telah ditetapkan.
- d) Melaksanakan, menyelaraskan dan mengawasi program-program kebudayaan dan pelancongan.
- e) Dan menilai keberkesanan dasar program kebudayaan dan pelancongan³.

2.2.1 Kuasa Dan Bidang Kuasa KKKP

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (KKKP) mempunyai kuasa dan bidang kuasa yang tertentu iaitu keputusan Jemaah Menteri, Dasar-Dasar Kebudayaan dan Kesenian, Akta Penggalakan

Pelaburan 1986, Akta Industri Pelancongan 1992, Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perlesenan Premis Penginapan Pelancongan) 1992, Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perlesenan Restoran Pelancongan) 1992, Peraturan-peraturan Industri Pelancongan (Perlesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992, dan Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan 1991⁴.

2.2.2 Struktur Organisasi Kementerian

Pada awal penubuhan, struktur organisasi kementerian dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Perlesenan, Bahagian Perancangan dan Pembangunan, dan Bahagian Kebudayaan dan Urusetia Tahun Melawat Malaysia.

Pada 1 Mei 1992, struktur organisasi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah dirombak bagi tujuan memantapkan lagi pelaksanaan fungsi-fungsi kementerian. Di dalam rombakan semula struktur organisasi, beberapa bahagian baru telah diwujudkan dan beberapa bahagian yang sedia ada telah ditukarkan nama dan pada masa yang sama fungsi-fungsi di bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan di bawahnya dikaji semula dari segi peranan dan tanggungjawab⁵.

Secara ringkas, struktur organisasi kementerian yang baru dapat dibahagikan kepada enam bahagian yang utama iaitu Bahagian Pengurusan, Bahagian Pelancongan, Bahagian Kebudayaan, Bahagian Pembangunan, Panggung Negara, dan Akademi Seni Kebangsaan.

a) Bahagian Pengurusan

Fungsi utama bahagian ini adalah untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada semua komponen kementerian yang terdiri dari empat agensi. Ini sesuai dengan fungsi Bahagian Pengurusan yang dipertanggungjawabkan mengawasi tiga aktiviti utama iaitu pengurusan sumber kewangan, pengurusan sumber manusia dan pentadbiran harian. Selain itu, pengurusan Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia atau lebih dikenali sebagai MATIC juga diletakkan di bawah pengawasan bahagian ini.

b) Bahagian Pelancongan.

Bahagian Pelancongan ditubuhkan dengan bermatlamat untuk merancang, merangka, mengesan dan menilai dasar-dasar pelancongan. Ia dilaksanakan melalui perancangan teratur dan sistematik yang mampu

mendorong pertumbuhan industri pelancongan sebagai satu industri yang sihat dan berdisiplin.

Bahagian Pelancongan ini bertanggungjawab terhadap pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara. Dasar ini bertujuan memperkenalkan dan melaksanakan beberapa strategi untuk menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu penyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi negara melalui program-program Penggalakan Pelancongan Domestik dan Penggalakan Produk-produk pelancongan seperti *Homestay* serta pelaksanaan Sistem Klasifikasi Hotel. Bahagian Pelancongan telah menubuhkan "*National Tourism Human Resource Development Council*" (NTHRDC) bagi tujuan meningkatkan pembangunan sumber manusia dalam industri pelancongan.

c) Bahagian Kebudayaan.

Bahagian ini berperanan untuk merangka dasar pembangunan kebudayaan, merancang, menyelaraskan dan mengurus program kebudayaan. Ia dilakukan dengan cara memelihara Dasar Kebudayaan Kebangsaan agar nilai dan aspirasinya sentiasa dihargai melalui penghayatan serta amalan yang berterusan. Bagi melaksanakannya, Bahagian Kebudayaan telah meletakkan tiga perkara asas sebagai objektifnya, iaitu mengukuhkan perpaduan negara melalui Kebudayaan Kebangsaan; memelihara,

mengembangkan dan mengukuhkan Kebudayaan Kebangsaan ke arah pewujudan keperibadian kebangsaan dan memperkayakan serta meninggikan kualiti kehidupan kemanusiaan yang seimbang di antara pembangunan sosio-ekonomi dan siasah dengan nilai-nilai murni.

d) Bahagian Pembangunan.

Bahagian Pembangunan bertanggungjawab melaksanakan penyeliaan projek-projek fizikal pelancongan dan kebudayaan. Tugas-tugas ini meliputi perancangan untuk Rancangan Lima Tahun Kerajaan, pengendalian projek-projek yang diluluskan dan dilaksanakan secara terus oleh kementerian serta penyelarasan, pengawasan dan pengesanan projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri serta agensi-agensi yang berkaitan.

e) Panggung Negara (PN).

Panggung Negara merupakan sebuah organisasi yang bertanggungjawab memastikan mutu persembahan sentiasa bertaraf antarabangsa. Penekanan mutu ini akan menyaksikan Panggung Negara meletakkan "Kecemerlangan Seni" sebagai sasaran bagi setiap pertunjukan kesenian. Bidang yang menjadi fokus meliputi bidang teater, tarian dan muzik

yang cuba direalisasikan oleh kumpulan seni yang bernaung di bawahnya seperti Kumpulan Budaya Negara, Orkestra Simfoni Kebangsaan dan Koir Kebangsaan⁶.

f) Akademi Seni Kebangsaan (ASK) .

Program Akademi Seni Kebangsaan telah bermula semenjak awal tahun 1990-an lagi. Ia berdasarkan kepentingan sumbangan program tersebut kepada pembangunan seni tanahair dan ia telah dinaikkan taraf. Ini dilakukan melalui pembentukan Urusetia Akademi Seni Kebangsaan pada tahun 1993. Kewujudan dua badan berkenaan telah membolehkan ASK memulakan sesi pengajian yang diikuti oleh kumpulan pelajar pertamanya pada tahun 1994⁷.

2.2.3 Agensi-agensi Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Dan Pelancongan (KKKP).

Semasa penubuhan kementerian (KKKP) pada 20 Mei 1987, terdapat lima buah agensi di bawahnya iaitu, Jabatan Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Negara (kini dikenali sebagai Jabatan Muzium Dan Antikuiti), Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (kini dikenali sebagai Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia), Perpustakaan Negara Malaysia dan Balai Seni Lukis Negara.

Pada 27 Oktober 1990, Perpustakaan Negara Malaysia berpindah ke Kementerian Pendidikan dan tidak lagi berada di bawah pengelolaan Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan⁸. Dengan demikian, agensi-agensi yang terdapat di bawah kementerian ini adalah seperti Jabatan Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Dan Antikuiti, Lembaga Penggalakan Pelancongan, dan Balai Seni Lukis Negara.

a) Jabatan Arkib Negara Malaysia.

Arkib Negara Malaysia merupakan institusi ulung di Malaysia dalam penyimpanan dan pemeliharaan rekod dan arkib awam. Rekod dan arkib wujud sebagai penghubung sejarah negara antara zaman lepas, kini dan akan datang. Ini dijelaskan oleh Y.B Dato'Sabbaruddin Chik di dalam ucapan beliau di Ucapan Pertandingan Kuiz Perdana Peringkat Kebangsaan 1987 di Pusat Islam, Kuala Lumpur pada 12 September 1987.

" Sejarah ialah proses yang berterusan. Ketepatan fakta adalah suatu syarat yang perlu dalam penulisan dan pembelajaran sejarah. Fakta-fakta tersebut dikumpul dari rekod, dokumen, surat-surat persendirian, perjanjian, penerbitan-penerbitan rasmi dan lain-lain ⁹".

Arkib Negara sebagai satu pusat penyelidikan yang unggul dan utama di negara ini di mana maklumat-maklumat yang terdapat pada bahan rekod dan arkib adalah yang amat berguna tentang kepelbagaian aspek negara. Arkib juga berusaha mengemaskinikan segala maklumat dalam simpanan dengan menggunakan kaedah penyusunan dan penyelenggaraan terkini bagi maklumat-maklumat berkenaan. Arkib Negara juga mengadakan program penyebaran maklumat sejarah tanahair menerusi program-program pameran dan kuiz. Ia dilakukan melalui media massa seperti siaran "Hari Ini Dalam Sejarah". Selain itu, Arkib Negara juga berperanan mewujudkan dan menguruskan memorial untuk pemimpin-pemimpin negara umpamanya "Memorial Tuanku Abdul Rahman". Pewujudan memorial ini mempunyai kepentingan tersendiri iaitu untuk menyemaikan semangat patriotik melalui pemaparan perjuangan tokoh-tokoh negara tersebut serta memberi kefahaman tentang sejarah negara kepada umum.

b) Jabatan Muzium Dan Antikuiti.

Jabatan ini bertanggungjawab untuk mengumpul, menyelidik, serta memelihara khazanah budaya, sejarah serta flora dan fauna negara. Ruang lingkup kerja jabatan ini lebih tertumpu kepada usaha pemeliharaan bersifat fizikal terutamanya dalam penguatkuasaan Akta Bendapurba (1976). Dalam kegiatan ini, jabatan tersebut menjalankan beberapa siri penyelidikan dan

pendokumentasian yang hasilnya dibuat dalam bentuk penerbitan. Jabatan Muzium dan Antikuiti juga bertanggungjawab untuk menguruskan muzium-muzium di peringkat kebangsaan. Jabatan ini amat luas berdasarkan perkhidmatan yang diberikannya kepada orang ramai iaitu,

1. Jabatan ini bertindak sebagai penasihat dengan cara memberi khidmat kepakaran kepada muzium-muzium negeri, jabatan dan institusi.
2. Ia bertindak melaksanakan program pengembangan ilmu pengetahuan melalui pameran, ceramah, bengkel dan khidmat lawatan berpandu ke balai-balai pameran.

c) Lembaga Penggalakan Pelancongan.

Lembaga Penggalakkan Pelancongan (LPPM) juga dikenali sebagai *TOURISM MALAYSIA* yang merupakan sebuah agensi ulung yang bertanggungjawab sebagai badan penggalakan pelancongan negara. Pelbagai usaha promosi serta program penggalakan dilaksanakan oleh badan ini bagi menjana permintaan pelancongan dunia terhadap produk-produk pelancongan negara.

Bagi mencapai hasrat ini, keunikan tarikan produk-produk pelancongan negara yang semula jadi serta kepelbagaian budaya yang diwarisi daripada rakyat yang berbilang kaum dipaparkan melalui aktiviti-aktiviti pemasaran dan perhubungan awam. Pendedahan terhadap keunikan tersebut mampu mengeksploitasikan keistimewaan tarikan-tarikan pelancongan bagi meletakkan Malaysia di peta pelancongan dunia dan sekali gus meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan.


d) Balai Seni Lukis Negara.

Balai Seni Lukis Negara sentiasa berusaha menjadi sebuah galeri seni yang terunggul. Bagi merealisasikan cita-cita ini, Balai Seni Lukis Negara memastikan bahan pameran yang berkualiti. Dengan itu, Balai Seni Lukis Negara berusaha mengumpul karya-karya agung yang dihasilkan oleh pelukis ternama, khususnya pelukis tempatan. Ini dapat dilihat daripada ucapan Y. B Dato' Sabaruddin Chik di Ucapan Perasmian Pameran Seni Lukis Naif dari Yugoslavia di Balai Seni Lukis.

" Saya merasa sukacita berada di Balai Seni Lukis Negara ini kerana ia mengandungi bukan sahaja pameran dari luar negeri seperti pameran ini tetapi yang amat penting Himpunan Tetap oleh pelukis-pelukis dari tanah air sendiri selain daripada karya-karya dari luar negeri"¹⁰.

Institusi ini juga memperluaskan skop programnya dengan mengambil kira faktor pemupukan minat dan pengasuhan bakat. Sehubungan dengan itu, Balai Seni Lukis Negara turut menganjurkan beberapa program bersifat sosial seperti pertandingan, bengkel, ceramah dan forum. Kepentingannya adalah untuk mendorong penglibatan secara total daripada pihak masyarakat.

Secara ringkas dapat dilihat pada carta di sebelah,



Rajah 2.1 : Carta Organisasi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

Sumber: Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan.

2.3 Sejarah Penubuhan Panggung Negara.

Pada tahun 1964, Kementerian Penerangan dan Penyiaran bersama dengan Kementerian Kebudayaan dan Kebajikan Masyarakat telah mengemukakan cadangan untuk membina Pusat Kebudayaan Negara Malaysia. Cadangan asalnya, tapak pembinaannya di Lembah Pantai di antara Pusat Penyiaran Malaysia dan Universiti Malaya. Pusat Kebudayaan Negara ini dicadangkan dan pada akhirnya akan mewujudkan satu Kompleks Kebudayaan dan merangkumi komponen lain seperti Muzium Sejarah Negara, Balai Seni Lukis Negara, Planetarium Negara, Panggung Utama, Restoran dan Pusat Membeli Belah Budaya.

Kongres Kebudayaan Kebangsaan (1971) telah membincangkan penubuhan Panggung Negara. Pada tahun 1972 pula, Kumpulan Budaya Negara (KBN) telah diwujudkan di bawah Cawangan Penggalakan Kesenian, Bahagian Kebudayaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan telah bergerak secara amatur. Pejabat KBN adalah berpusat di Wisma Keramat, tetapi pusat kegiatannya adalah di sebuah rumah di Jalan Ampang.

Akhirnya KBN telah berpindah ke Kompleks Budaya Negara di Jalan Tun Ismail pada akhir tahun 1973. Melalui Cawangan Pembangunan,

Bahagian Kebudayaan Kesenian di mana Kumpulan Budaya Negara (KBN) dan Orkestra Simfoni Kebangsaan merupakan nadi penggerak kesenian pentas dan pertunjukan bermutu tinggi terutama dalam bidang teater, muzik dan seni tari. Kompleks Budaya Negara yang terletak di Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur merupakan premis yang menumpukan kepada kerja-kerja merancang, melatih dan menggerakkan usaha-usaha mengadakan persembahan yang bermutu tinggi.

Kumpulan Budaya Negara diwujudkan dan digerakkan secara profesional. Pada tahun 1974, keahlian KBN adalah seramai 76 orang. Ketika itu, tumpuan lebih terhadap pada bidang seni tari dan seni muzik tradisional. Kini kegiatan KBN telah berkembang kepada pementasan teater yang ternyata mendapat sambutan di luar dugaan dari pelbagai lapisan masyarakat. Manakala, cawangan muzik pula telah diwujudkan secara amatur pada tahun 1972 dengan tumpuan kepada bidang muzik simfoni.

Kumpulan Koir pada tahun 1992 telah membantu menyumbangkan muzik klasik yang berkualiti kepada masyarakat. Pada tahun 1993, jabatan muzik telah melancarkan Orkestra Simfoni Remaja berserta Koir Remaja sebagai satu saluran bagi para remaja mengasah bakat muzik mereka¹¹.

Kegiatan Kumpulan Koir Kebangsaan merupakan suatu program yang diwujudkan oleh pihak kementerian di bawah Cawangan

Pembangunan Seni Muzik, Panggung Negara. Ia merupakan suatu kesinambungan kepada kegiatan koir yang telah sedia wujud sejak akhir enam puluhan bersesuaian dengan usaha-usaha kementerian mempertingkatkan pembangunan dan perkembangan mutu seni vokal tanahair. Keanggotaan Koir Kebangsaan ini seramai 60 ahli telah menjalani latihan sebanyak 2 kali seminggu. Keahlian ini terdiri daripada mereka yang terlatih menyanyi dengan membaca nota muzik dan berbakat dalam bidang muzik khususnya menyanyi. Mereka mampu memberi persembahan dengan koleksi yang luas ; klasik, Melayu Asli, Kontemporari dan Pop. Kumpulan Koir Kebangsaan juga pernah mewakili negara di "Second World Children Festival" di Nagoya, Jepun, pada Ogos 1991 dan "Asean Festival" pada Jun 1992. Kumpulan ini juga pernah membuat persembahan di Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang termasuk konsert bersama kumpulan " Isahaya Boys" dan "Girl Chorus Group" daripada Nagasaki, Jepun¹².

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KKKPM) telah melakukan usaha untuk membangunkan bakat untuk generasi pemuzik-pemuzik muda. Pada peringkat awal, KKKPM menumpukan perhatian terhadap pembangunan bakat remaja dengan menyediakan mereka tuisyen daripada golongan-golongan profesional dari dalam dan luar negeri. Amalan ini diteruskan untuk meluaskan keupayaan pencapaian dan pengiktirafan antarabangsa. Kini, selari dengan tradisi dan sejarah, Orkestra

Simfoni Kebangsaan (OSK) meneruskan usaha mereka untuk melahirkan minat orang ramai dalam pembangunan muzik tempatan.

Upacara pra-perasmian konsert yang diadakan pada 20 Mei 1993 di Dewan Tun Dr. Ismail Putra World Trade Centre (PWTC) merupakan batu loncatan ke arah mengukuhkan OSK. Pelancaran perasmian konsert yang diadakan di Dewan Merdeka PWTC pada 28 Ogos 1993 dilancarkan secara rasmi oleh Y.B Dato'Sabaruddin Chik, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan. Orkestra ini juga turut membuka lembaran baru dalam sejarah dengan menerima sambutan yang menggalakkan daripada golongan profesional untuk menjadikan bidang muzik sebagai satu kerjasama. OSK ini turut berasa bangga untuk mempelbagaikan pelbagai persembahan yang membolehkan mereka melahirkan seni. OSK ini juga mempunyai pelbagai rancangan untuk masa depan bagi melakukan penampilan untuk tempatan dan antarabangsa¹³. Sebelum itu, Kumpulan Koir Kebangsaan telah diwujudkan pada tahun 1992.

Pewujudan Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) pada tahun 1993 telah meningkat dengan cemerlang. Kepelbagaian budaya negara ini telah menjadi asas peningkatan berkenaan. OSK telah menjalin hubungan yang akrab dengan suruhanjaya tinggi-suruhanjaya tinggi, kedutaan-kedutaan asing, pihak korporat dan juga badan-badan bukan kerajaan melalui penyediaan persembahan yang bertahap cemerlang. Kebelakangan

ini, OSK telah mengadakan konsert-konsert yang dipimpin oleh konduktor muzik dan pemuzik solo (Soloist) bertaraf kebangsaan. Konsert-konsert yang dipersembahkan oleh OSK mendapat sambutan masyarakat dan ini menggalakkan mereka menghargai nilai objektif OSK¹⁴.

Panggung Eksperimen telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1994. Kumpulan Budaya Negara menjadi Bahagian Panggung Negara di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (KKKPM). Pada tahun itu juga, Y.A.B Perdana Menteri telah merealisasikan pembinaan Panggung Negara dengan kerja-kerja penetapan tapak tanah, pemilihan rekabentuk bangunan dan penetapan kewangan.

Pembinaan Panggung Eksperimen berserta kewujudan Auditorium Tunku Abdul Rahman di Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia di Jalan Ampang merupakan satu cabaran dan percubaan untuk mencari pengalaman mentadbir sebuah panggung negara akan datang.

Pada Julai 1995, pembinaan Panggung Negara Malaysia telah bermula. Pemikiran awal untuk membina sebuah Panggung Negara bermula sejak tahun 1960-an. Kompleks Panggung Negara siap dibina pada penghujung tahun 1997¹⁵ di atas tanah seluas 11.5 ekar di antara Jalan Tun Razak dan Jalan Kuantan. Dalam tempoh pembinaan tersebut, fungsi

menggerakkan kegiatan-kegiatan bagi pengisian program Panggung Negara telah giat dijalankan melalui produksi-produksi seni, eksperimen seni dan promosi. Panggung Negara merupakan sebuah organisasi bagi merancang dan menggerakkan program produksi kesenian bermutu tinggi dalam bidang-bidang seni lakon, tari dan muzik sesuai dengan aspirasi kesenian kebangsaan ke arah kecemerlangan seni.

Ruang-ruang yang digunakan untuk promosi pada ketika itu ialah Panggung Eksperimen (ET), Auditorium Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC), Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Putra World Trade Centre (PWTC), Taman Budaya Negeri dan hotel-hotel. Panggung Eksperimen juga menjadi ruang untuk produksi percubaan bagi menghasilkan persembahan bermutu¹⁵.


Organisasi ini bermegah dengan Kumpulan Budaya Negeranya (Teater) yang menghiasi majlis-majlis rasmi, dan bertindak sebagai wakil kesenian Malaysia di misi kebudayaan dan pelancongan peringkat antarabangsa. Kesungguhannya untuk memajukan kesenian akhirnya mendapat ganjaran yang amat bernilai apabila sebuah bangunan baru yang lebih efektif dan strategik sesuai dengan fungsi Panggung Negara siap pada penghujung tahun 1997. Keistimewaan ciri-ciri rekabentuk binaan tersebut telah menjadikannya salah sebuah mercu tanda yang paling baik dan menarik di ibu kota. Bangunan ini mampu memuatkan seramai 1500 orang

pada setiap persembahan. Bangunan ini dilengkapi dengan peralatan persembahan yang menggunakan teknologi canggih.

Pada 8 Jun 1998, satu Orkestra Simfoni Remaja dan Koir Remaja telah dilancarkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung yang Kesepuluh. Pada kemuncak itu, bagi mewujudkan kesepaduan, kumpulan orkestra kerap mengiringi kumpulan koir dan teater dalam persembahan.

Akhirnya Panggung Negara telah berpindah ke premis tetapnya di Jalan Tun Razak pada 1 Disember 1998. Pada 19 Mei 1999, Logo Panggung Negara telah dilancarkan iaitu replika tiga helai daun sirih¹⁶. Logo ini berinspirasi lakaran garis berbentuk sireh junjung. Usaha untuk mewujudkan keseimbangan dan keharmonian tersirat di dalam cadangan simbol atom yang dipaparkan, dan semua ciptaan tidak lain adalah terdiri daripada atom yang terapung di dalam keseimbangan yang dinamik. Begitu juga dengan tenaga kreatif yang menyemarakkan segala usaha kesenian yang tergambar pada unsur api. Ini juga menyerupai pucuk rebung yang melambangkan semangat insan dan sifat dinamisme pertumbuhannya. Kudup yang paling tinggi melambangkan Panggung Negara. Sementara kudup-kudup lain pula melambangkan para seniman di dalam seni muzik, seni tari dan seni lakon¹⁷.

Selaras dengan statusnya sebagai model kepada seni pentas di Malaysia, Panggung Negara mengutamakan kecemerlangan dalam semua pementasannya. Logonya yang merupakan replika tiga helai daun sirih dengan setiap satu mewakili bahasa, gerak, dan irama yang kesemuanya dibayangi oleh replika daun sirih yang keempat dan lebih besar yang mewakili teater adalah lambang kecemerlangan seni. Replika daun sirih di dalam logo ini dapat dilihat pada rajah di bawah.



Rajah: 2.2 Replika Daun Sirih Dalam Logo.

Sebagai sebuah organisasi kerajaan, Panggung Negara ditugaskan untuk memberi hiburan yang berkualiti kepada masyarakat dalam jangkauan yang dapat dicapai oleh masyarakat dengan berpanduan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Sehubungan dengan itu, Panggung Negara bertanggungjawab untuk membangunkan seni pentas di Malaysia ke tahap cemerlang, meningkatkan khalayak dan penonton seni pentas, memasarkan produknya secara intensif, menggalakkan budaya penaja seni pentas di kalangan sektor korporat dan individu serta membangunkan profesional di dalam teater¹⁸.

Panggung Negara merupakan satu aspirasi untuk mementaskan sesuatu produksi yang berkualiti tinggi atau persembahan agung adalah menjadi matlamat utama. Sehubungan itu, Panggung Negara adalah sebuah institusi kesenian yang bertanggungjawab memastikan mutu persembahan sentiasa bertaraf kebangsaan. Penekanan terhadap mutu ini menyaksikan Panggung Negara meletakkan kecemerlangan seni sebagai sasaran setiap pertunjukan kesenian.

Harapan untuk menjadi bahtera kepada badan kesenian negara membuatkan Panggung Negara melipatgandakan usahanya untuk terus unggul dan menjadi kayu pengukur kepada pencapaian serta perkembangan seni negara.

Bidang yang menjadi fokus kecemerlangan seni ini meliputi bidang teater, muzik, dan tarian yang cuba direalisasikan oleh kumpulan seni yang bernaung di bawahnya seperti Kumpulan Budaya Negara, Orkestra Simfoni Kebangsaan dan Koir Kebangsaan. Panggung Negara juga berperanan penting dalam menaikkan nama Malaysia di luar negara melalui festival serta program kesenian antarabangsa yang disertainya.

Dengan itu, impian untuk menghasilkan serta menyaksikan persembahan yang cemerlang akan lebih realistik dengan adanya bangunan tersebut¹⁹.

2.4 Fungsi Panggung Negara.

Panggung Negara mempunyai enam fungsi yang jelas bagi mencapai visi dan misi penubuhannya iaitu mencapai "Ke Arah Kecemerlangan Seni". Dengan ini, Panggung Negara bergerak cergas dalam,

- Menggerakkan kegiatan kecemerlangan seni pentas.
- Menghasilkan produksi seni pentas bermutu.
- Mempertingkatkan daya cipta dan kreativiti seni ke tahap profesional.
- Meramaikan khalayak seni pentas di semua peringkat melalui kegiatan pemasaran.
- Mengadakan pementasan Seni Antarabangsa.

- Menjadi sumber rujukan kreativiti kesenian negara²⁰.

Bagi mencapai fungsi Panggung Negara, pelbagai program telah dilaksanakan bagi menarik khalayak mendekati bidang teater, muzik dan tarian yang mendokongi Panggung Negara tersebut. Pengarah Panggung Negara, Hj. Sufiat Mukri merupakan seorang perancang pengurusan dan pentadbiran bagi pembangunan di Panggung Negara telah melaksanakan pembangunan khalayak melalui soal selidik untuk mengetahui sambutan khalayak, menyerapkan pelakon yang sudah dikenali umum di dalam teater yang merupakan satu langkah yang berkesan, dan kerap menerima persembahan berbentuk drama sebabak dan komedi²¹. En. Ahmad Tarmimi Siregar pula merupakan Penolong Pengarah Panggung Negara yang lebih cenderung kepada pengurusan kreatif bagi pementasan di Panggung Negara.

Dalam usaha mencapai fungsi Panggung Negara, perancang pengurusan dan pentadbiran dan perancang pengurusan kreatif sentiasa berusaha menjayakannya. Ini dapat dilihat pada usaha yang dilakukan bagi fungsi di bawah.

- a) Melaksanakan kesenian negara sesuai dengan dasar yang digubal oleh kementerian dalam peruntukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

- b) Merancang strategi jangka pendek dan jangka panjang mengenai Panggung Negara dan memantapkan objektif dan target yang diharuskan dicapai oleh Panggung Negara.
- c) Melaksanakan pementasan yang bermutu tinggi dalam bidang seni tari, drama, dan lain-lain bentuk seni pentas yang sesuai dengan citarasa masyarakat majmuk Malaysia masa kini yang menjurus ke arah pembentukan keperibadian kesenian kebangsaan.
- d) Mengendalikan fungsi-fungsi penyelidikan yang meliputi aspek seni pentas untuk dijadikan bahan rujukan dalam program-program pemuliharaan, pengolahan dan penciptaan sesuai dengan citarasa masyarakat masa kini dan pada masa yang sama dapat pula mewariskan penyelidikan itu sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.
- e) Mengadakan program-program pementasan secara profesional dan program-program lain yang sesuai untuk menunjangi suatu program pembangunan penonton dan pada masa yang sama dapat melibatkan agensi swasta dalam kegiatan sama ada sebagai penaja atau penganjur.
- f) Menjadikan program kesenian Panggung Negara sebagai satu

model pencapaian kesenian semasa untuk diikuti oleh penggerak-penggerak teater di seluruh tanah air²².

Di bawah struktur pengurusan dan pentadbiran, Panggung Negara mempunyai lima cawangan di dalam menggerakkan objektif penubuhannya "Ke Arah Kecemerlangan Seni". Struktur-struktur organisasi yang bergerak di bawah Panggung Negara adalah seperti di bawah:

- Kumpulan Budaya Negara (Teater).
- Orkestra Simfoni Kebangsaan dan Koir Kebangsaan (Muzik).
- Pemasaran Seni.
- Senireka dan Teknikal.
- Pengurusan Seni²³.

Panggung Negara mempunyai objektif yang jelas iaitu "Wadah Manifestasi KESENIAN BERMUTU TINGGI ke arah tahap pencapaian TEATER PROFESIONAL dan aktiviti KEUNGGULAN / KECEMERLANGAN SENI SESUAI DENGAN DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN.

Objektif dan aktiviti dapat dicapai menerusi empat strategi iaitu:

- Pembangunan Kualiti.

Panggung Negara mementingkan pembangunan kualiti yang dilaksanakan menerusi seniman dan karyawan, skrip, maklumat dan bahan

seni, teknikal dan kemudahan, kepimpinan pengurusan dan kewangan dan kepimpinan kreatif.

- **Pembangunan Khalayak.**


Pembangunan khalayak yang dirancang oleh Panggung Negara adalah menerusi jumlah sasaran, komposisi kaum, status ekonomi, kemudahan, dan komposisi umur.

- **Penggalakan Tajaan.**

Panggung Negara mengalu-alukan penggalakan tajaan daripada bantuan kerajaan, tajaan seperti simpati, amal, tidak tertolak, beruntung dan status. Institusi ini juga mengharapkan perolehan daripada jualan tiket, barangan, dan pengiklanan.

- **Pemantapan pemasaran dan pengurusan seni.**

Panggung Negara melaksanakan pemantapan pemasaran dan pengurusan seni (Jangka pendek dan jangka panjang) melalui penulisan, maklumat media cetak, poster-sepandok, dan kain rentang, media massa-televisyen, pengiklanan di media, telefon, surat sebaran dengan tangan (handbill), dan poster . Lihat rajah di sebelah



Rajah 2.3: Pembangunan Pengurusan dan Pemasaran.

Panggung Negara merupakan teater kebangsaan (National theatre) iaitu pementasan teater merupakan pementasan utama yang mendokong persembahan seni di sana. Namun tidak ketinggalan juga, pementasan berbentuk muzik dan tarian di selang-selikan bagi menarik khalayak mendekati institusi tersebut. Bagi sasaran program 200 Hari Kegiatan Tahun 2000 Panggung Negara telah melaksanakan beberapa aktiviti iaitu:

- Pementasan kumpulan tetap.
- Pementasan syarikat berkuasa (Resident Company).
- Pementasan jemputan dalam dan luar negara.
- Festival seni.
- Seminar bengkel dan konvensi seni.
- Kemudahan ruang untuk pementasan²⁴.

Segala perancangan Panggung Negara telah dirancang dengan rapi oleh Pengarah Panggung Negara, Hj. Sufiat Mukri dan Penolong Pengarah,

En. Ahmad Tarmimi Siregar yang bertanggungjawab merancang pembangunan di Panggung Negara tersebut iaitu perancangan melaksanakan pementasan selama 200 hari dalam setahun bagi tahun 2000.

Hj. Sufiat Mukri merupakan seorang perancang yang kreatif dan berwawasan tinggi dalam membangunkan institusi kesenian. Ini dapat dibuktikan di mana sebelum ini beliau telah menerajui kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC) dan diakui keberkesanannya serta disegani oleh penggiat seni. Dengan ini beliau diminta menyambung perkhidmatan untuk menerajui Panggung Negara walaupun sepatutnya beliau telah bersara. Dengan permintaan ini, beliau telah menyambung kontrak selama dua tahun memegang tampuk pengurusan dan pentadbiran Panggung Negara. Selepas tamat kontrak itu, sekali lagi perkhidmatan beliau diperlukan untuk terus menjadi perancang di Panggung Negara selama dua tahun lagi tetapi beliau hanya bersetuju untuk tempoh selama setahun sahaja (pilihan) kerana berlaku perubahan di dalam kementerian iaitu Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Y. B Dato' Kadir Sheikh Fadzir telah menggantikan Y.B Dato' Sabaruddin Chik. Sebelum ini, Hj. Sufiat Mukri telah berkhidmat di bawah tujuh orang menteri KKKP dan perubahan ini memerlukan imej baru dan sekaligus terpaksa melaksanakan banyak perubahan serta wujud campurtangan daripada pihak kementerian menyebabkan beliau menamatkan perkhidmatan lebih awal ²⁵.

Panggung Negara juga telah kehilangan Ketua Penolong Pengarah, En. Ahmad Tarmimi Siregar (Pengurus kreatif) apabila beliau meninggalkan pengurusan kreatif di sana (bersara awal pilihan) sebelum Hj. Sufiat Mukri menamatkan perkhidmatan.

2.5 Sejarah Penubuhan Istana Budaya

Istana Budaya (Panggung Negara) telah diilhamkan sejak tahun 1960-an dan mula dibina pada penghujung tahun 1995. Bangunannya terletak bersebelahan Tasik Titiwangsa di persimpangan Jalan Tun Razak dan Jalan Kuantan, ia merupakan **teater lirik abad ke 21**. Ini memperlihatkan Istana Budaya bagaikan seekor raksasa berwarna biru dengan bentuk sirih junjung yang dulunya dikenali sebagai kompleks Panggung Negara. Bangunan (Panggung Negara) yang menjadi kemegahan penggiat seni dan telah dirasmikan pada 15 (Rabu) September 1999 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad sebagai Istana Budaya dan ini telah berlaku satu sejarah penting di Malaysia di mana perasmian Istana Budaya, iaitu bangunan yang menempatkan pentadbiran Panggung Negara²⁶.

Perdana menteri telah diberi penghormatan untuk merasmikan Istana Budaya yang dibina dengan harga RM210 juta (setelah dibaikpulih) dan dianggap terancang di rantau ini. Majlis perasmian pada malam itu dimulai

dengan perarakan sirih junjung sebagai lambang budaya kesultanan Melayu, diiringi paluan kompang dan tiupan serunai serta nafiri.

Sebaik saja di anjung istana, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad disambut dengan paluan gendang Cina, gendang India dan rebana ubi sebagai tanda pengiktirafan masyarakat Malaysia yang majmuk.

Kecanggihan bangunan Istana Budaya yang dilengkapi dengan peralatan teknikal dan teknologi serba canggih boleh menempatkan penonton seramai 1333 orang. Struktur bangunan telah dipuji oleh semua pihak sebagai bentuk indah dan menawan²⁷ dan ia merupakan lambang "kecemerlangan seni" dalam seni bina Melayu.

2.6 Kesimpulan.

Istana Budaya merupakan institusi kesenian yang bertaraf kebangsaan dan antarabangsa. Dengan perasmian pada malam itu, harapan digantungkan kepada Istana Budaya untuk menebus maruah dan mengembalikan kegemilangan teater di Malaysia. Namun aktiviti kesenian seperti tarian dan muzik juga tidak ketinggalan di dalam menuju "Ke Arah Kecemerlangan Seni" tanahair. Ini akan memberi peluang terbuka kepada aktivis tempatan untuk membuat persembahan di sana tidak kira kumpulan teater besar mahupun kumpulan teater yang kecil.

¹ Dato' Sabaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, **Gemilang Budaya**, KKKP, Hlm. 3

² **Sejarah Penubuhan Kementerian, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia**. [Http://www.Mocat.Gov.Com.My](http://www.Mocat.Gov.Com.My)

³ Opcit

⁴ Ibid

⁵ Ibid

⁶ **Gemilang Budaya**, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Hlm.19

⁷ Ibid

⁸ _____, **Sejarah Penubuhan KKKP**, [Http://www.Mocat.Gov.My](http://www.Mocat.Gov.My), Hlm. 2

⁹ _____, **Gemilang Budaya**, Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan Malaysia, Hlm. 41.

¹⁰ Opcit

¹¹ _____, **Selayang Pandang Panggung Negara**, Istana Budaya, 1999, KKKP, Hlm. 1

¹² _____, **Kecemerlangan Muzic, Dance, Theater, Program September-Desember 1997**, Panggung Negara, Hlm. 2.

¹³ Ibid

¹⁴ _____, **Kerana Mu Malaysia**, 15-16 Ogos, 2000, Istana Budaya, Hlm. 2.

¹⁵ _____, **Panggung Negara, 1995**, Kementerian Kebudayaan, Kesenian, dan Pelancongan, Malaysia, Hlm. 2.

¹⁶ _____, **Selayang Pandang Panggung Negara, Istana Budaya**, 1999, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Hlm.3.

¹⁷ _____, **Majlis Pelancaran Logo, 19 Mei 1999**, Istana Budaya, Hlm. 3.

¹⁸ _____, **Panggung Negara, 1995**, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Malaysia, Hlm. 2

¹⁹ Ibid

²⁰ _____, **Panggung Negara, 1997**, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Hlm 3.

²¹ Wawancara pengkaji dengan Pengarah Panggung Negara, Hj. Sufiat Mukri, 16/09/2001.

²² **Kertas Kerja**, Pengarah Panggung Negara, Hj. Sufiat Mukri, Panggung Negara, 1997, Hlm. 150-152.

²³ _____, **Panggung Negara, 1995**, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Hlm. 2

²⁴ _____, **Selamat Datang ke Panggung Negara dan Akademi Seni Kebangsaan**, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Hlm. 3

²⁵ Wawancara Pengkaji dengan Pengarah Panggung Negara, Hj. Sufiat Mukri, 16 / 09 / 2001.

²⁶ _____, selayang Pandang, Panggung Negara, 1999, Istana budaya, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Hlm. 3

²⁷ [Http:// www.Tv3.com.my/ Istana.html](http://www.Tv3.com.my/Istana.html), 15/7/2001